

D680

B B209 AAB
PARLIMEN - CETAK RRR

KUALA LUMPUR, 3 DIS (BERNAMA) -- MEREKA YANG TERBABIT DALAM PENYIARAN BERITA YANG TIDAK BENAR DENGAN NIAT JAHAT BOLEHDIHUKUM PENJARA TIDAK LEBIH TIGA TAHUN ATAU DENDA TIDAK LEBIH \$20,000 ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI APABILA RANG UNDANG-UNDANG UNTUK MEMINDA AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984 DILULUSKAN KELAK.

MEREKA YANG BOLEHDIDAKWA KERANA KESALAHAN MENYIARKAN BERITA SEUMPAMA ITU IALAH PENCETAK, PENERBIT DAN PENGARANG PENERBITAN YANG BERKENAAN SERTA PENULIS LAPORAN ATAU MAKALAH BERKENAAN.

SEKSYEN 8A FASAL 4 RANG UNDANG-UNDANG INI YANG MERANGKUMI PERKARA ITU DIWUJUDKAN KERANA TERDAPAT BANYAK LAPORAN YANG TIDAK BENAR TERSIAR DALAM AKHBAR-AKHBAR DAN MAJALAH-MAJALAH BAIK DI DALAM MAHUPUN DI LUAR NEGARI KE BELAKANGAN INI.

PERUNTUKAN BARU INI DIBERITAHU OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEMASA MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA AKTA UNTUK MEMINDA AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1,984 BAGI BACAAN KALI KEDUA DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

+NAMPAKNYA PIHAK AKHBAR DAN MAJALAH YANG TERLIBAT TIDAK MENGHIRAUKAN KESAN SIARAN BERITA YANG TIDAK BENAR KE ATAS PIHAK ATAU GOLONGAN YANG MENJADI MANGSA TINDAKAN MEREKA ATAU KESAN BURUK KE ATAS KESELAMATAN DAN EKONOMI NEGARA, + TEGAS BELIAU LAGI. - LAGI.
1825MST 03 12 87

D683

B B211 AAB
PARLIMEN - CETAK 2 KUALA LUMPUR RRR

BAGAIMANAPUN, PENDAKWAAN DI BAWAH SEKSYEN 8A INI HANYA BOLEH DIBUAT DENGAN KELULUSAN PENDAKWARAYA.

SEMENTARA ITU SEKSYEN 8B DAN 8C FASAL YANG SAMA DIWUJUDKAN UNTUK MEMBERI KUASA KEPADA MAHKAMAH MENAHAN DAN MENGGANTUNG MANA-MANA PENERBITAN DALAM KEADAAN-KEADAAN TERTENTU.

DI BAWAH SEKSYEN 8B, MAHKAMAH ATAS PERMOHONAN PENDAKWARAYA BOLEH MEMERINTAHKAN PENGHARAMAN SESUATU PENERBITAN SELAMA TEMPOH TIDAK MELEBIHI ENAMBULAN JIKA MEREKA YANG TERLIBAT DENGAN PENERBITAN ITU TELAH DISABITKAN ATAS APA-APA KESALAHAN BERKENAAN DENGAN APA-APA JUA YANG DISIARKAN DALAM PENERBITAN ITU.

SEKSYEN 8C PULA MEMBERI KUASA KEPADA MAHKAMAH ATAS PERMOHONAN PENDAKWARAYA MENGGANTUNG SESUATU PENERBITAN SEMENTARA MENANTI KEPUTUSAN MUKTAMAD SESUATU RAYUAN TERHADAP KES KESALAHAN ITU DENGAN APA-APA JUA YANG DISIARKAN DALAM PENERBITAN BERKENAAN.

SELAIN DARIPADA FASAL EMPAT ITU TERDAPAT EMPAT LAGI PINDAAN YANG MERANGKUMI FASAL DUA, TIGA, LIMA DAN SEMBILAN, KATA PERDANA MENTERI. - LAGI.

1832MST 03 12 87

D690

B B212 AAB
PARLIMEN - CETAK 3 KUALA LUMPUR R R R

FASAL DUA BERTUJUAN MENGGUGURKAN PERKATAAN +ATAU DIPERBAHARUI+ DAN DENGAN ITU KONSEP PEMBAHARUAN LESEN BERMAKNA TEMPOH SAH LAKU SESUATU PERMIT IALAH TEMPOH YANG DINYATAKAN DALAM PERMIT ITU.

SESEORANG PEMEGANG PERMIT DIKEHENDAKI MEMOHON PERMIT BAHARU APABILA TAMAT TEMPOH SAH LAKU PERMITNYA, KATA DATUK SERI OR MAHATHIR.

FASAL TIGA PULA DIWUJUDKAN UNTUK MEMBERI SATU LAGI SEBAB KEPADA MENTERI UNTUK MELARANG PENCETAKAN, PENJUALAN, PENGIMPORAN, PENGEDARAN ATAWA PEMILIKAN SESEBUAH PENERBITAN IAITU JIKA PENERBITAN ITU MENGANDUNGI PERKARA-PERKARA YANG MUNGKIN MENGGEMPARKAN FIKIRAN ORANG RAMAI.

MENGIKUT PERATURAN SEKARANG, MENTERI BOLEH BERBUAT DEMIKIAN APABILA BELIAU EERPUAS HATI BAHAWA KANDUNGAN SESUATU PENERBITAN ITU MEMUDARATKAN KETENTERAMAN AWAM, MORAL, KESELAMATAN, KEPENTINGAN AWAM ATAU NEGARA ATAU BERLAWANAN DENGAN UNDANG-UNDANG.

PINDAAN KEEMPAT YANG MENYENTUH FASAL SEMBILAN BERTUJUAN MEWUJUDKAN SEKSYEN 13A DAN SEKSYEN 13B YANG BERKAITAN DENGAN KEPUTUSAN MENTERI MENOLAK PERMOHONAN, MEMBATAL ATAU MENGGANTUNG SESUATU LESEN ATAU PERMIT. -LAGI.

1844MST 03 12 87

D695

B B213 AAB
PARLIMEN - CETAK 4 KUALA LUMPUR R R R

SEKSYEN 13A FASAL SEMBILAN MEMPERUNTUKKAN BAHAWA KEPUTUSAN MENTERI ITU TIDAK BOLEH DISOAL OLEH MANA-MANA MAHKAMAH M A N A K A L A SEKSYEN 13B BERTUJUAN MENGGUGURKAN MANA-MANA PERUNTUKAN YANG MEMBERI PELUANG KEPADA SESIAPA UN T U K MENDENGAR TERHADAP PERMOHONANNYA BAGI MENDAPAT LESEN ATAU PERMIT.

PERDANA MENTERI BERKATA, KUASA MUKTAMADINI DIBERI KEPADA MENTERI KERANA KERAPKALI MAKLUMAT YANG DIBERIKAN KEPADANYA J IKA DI DEDAHKAN KEPADA ORANG RAMAI AKAN MENYEBABKAN KESAN BURUK KEPADA KESELAMATAN DAN KEPENTINGAN NEGARA.

J IKA KES-KES SEPERTI ITU DIBICARAKAN SECARA TERBUKA, TIDAK DAPAT TIDAK, MAHKAMAH AKAN MENJADI GELANGGANG POLITIK, KATA BELIAU.

+JIKA MENTERI MENYALAHGUNAKAN KUASA YANG DIBERIKAN KEPADANYA, RAKYAT AKAN MENENTUKAN TINDAKAN TERHADAPNYA MELALUI SALURAN DEMOKRASI YANG DIAMALKAN DALAM NEGARA KITA, +KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. - BERNAMA.

1853MST C13 12 87